



**MEDIA ONLINE /
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

27 OKTOBER 2017

Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat

ISU : SKIM ILAT

| BIL. | TARIKH | AKHBAR & TAJUK BERITA | PIHAK TERLIBAT |
|------|-----------------------------|-------------------------------------|------------------|
| 1. | 27 OKTOBER 2017 (KHAMIS) | BERITA HARIAN Had umur skim ILAT | TIMB.MENTERI KSM |

AKHBAR : BERITA HARIAN

Had umur skim ILAT

KUALA LUMPUR : Kementerian Sumber Manusia tidak bercadang menaikkan had umur kelayakan permohonan di bawah Skim Ilat kepada pekerja berumur lebih 60 tahun. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib, berkata sekiranya cadangan itu dilaksanakan akan memberi banyak kesan kepada beberapa pihak khususnya, membabitkan aspek perundangan dan kewangan.

Katanya, fokus kerajaan ketika ini adalah mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja dan berulang-alik bekerja supaya faedah dinikmati pekerja boleh dialirkan untuk faedah lain terutama pendidikan serta kebajikan. "Mereka yang berumur lebih 60 tahun dan masih bekerja hanya boleh dilindungi di bawah Skim Bencana Pekerjaan sahaja.

"Tiada had kelayakan umur terpakai di bawah perlindungan ini mengikut Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, selagi masih bekerja," katanya ketika menjawab pertanyaan lisan Datuk Normala Abdul Samad (BN-Pasir Gudang) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini. Ismail berkata kelayakan Skim Keilatan untuk pekerja selepas umur 55 tahun dinaikkan kepada 60 tahun di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja Pindaan 2012 (Akta A1145), yang berkuatkuasa 1 Januari 2013 dan Akta Umur Bersara Minimum 2012.

Sementara itu, kerajaan sedang meneliti mekanisma terbaik meningkatkan faedah kepada pekerja di bawah perlindungan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) supaya ia dapat dialirkan kepada faedah lain termasuk faedah pendidikan. Katanya, faedah lain termasuk faedah perubatan, faedah hilang keupayaan sementara, faedah hilang upaya kekal, faedah orang tanggungan, faedah kematian dan program kembali bekerja (return to work).

"Faedah ini dinikmati pekerja sehingga berumur 60 tahun," katanya. Ismail berkata, kerajaan akan menimbangakan cadangan mengubah kadar caruman majikan dan pekerja kerana langkah itu baik meningkatkan faedah untuk pekerja.

ISU : SKIM INSURANS PEKERJAAN

| BIL. | TARIKH | AKHBAR & TAJUK BERITA | PIHAK TERLIBAT |
|------|-----------------------------|--|--------------------|
| 1. | 27 OKTOBER 2017 (KHAMIS) | UTUSAN MALAYSIA Bantu cari pekerjaan baharu ASTRO AWANI RUU Sistem Insurans Pekerjaan dibentang NEWS STRAITS TIMES Dewan Rakyat passes Employment Insurance System Bill 2017 THE STAR Parliament passes EIS Bill MALAYSIA KINI Dewan Rakyat lulus RUU Sistem Insurans Pekerjaan | MENTERI KSM |

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

Bantu cari pekerjaan baharu

KUALA LUMPUR. – Pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan berupaya membantu individu-individu yang hilang pekerjaan untuk diambil bekerja semula oleh majikan baharu. Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem berkata, melalui sistem tersebut, proses pepadanan akan dilakukan bagi mengenal pasti peluang pekerjaan untuk golongan berkenaan.

“Mereka juga akan diberi latihan bersesuaian dengan pasaran pekerjaan,” katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 dalam sidang Dewan Rakyat hari ini. Dewan Rakyat meluluskan rang undang-undang tersebut dengan beberapa pindaan selepas bacaan kali ketiga oleh Richard di hadapan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee.

Pelaksanaan rang undang-undang berkenaan akan melibatkan kira-kira 430,000 majikan dan 6.6 juta pekerja dalam sektor swasta dengan menawarkan faedah-faedah tertentu serta program penempatan pekerjaan semula kepada pekerja yang berinsurans sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan serta menggalakkan dasar pasaran buruh yang aktif. Menerusi rang undang-undang tersebut, semua pekerja yang kehilangan pekerjaan dan telah mencarum bagi tempoh tertentu layak menuntut bantuan kewangan daripada Sistem Insurans Pekerjaan dan perkhidmatan pekerjaan termasuk kaunseling kerjaya, carian dan penjodohan kerja, penempatan serta latihan sekiranya perlu.

Sistem Insurans Pekerjaan yang diletakkan di bawah pentadbiran Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) turut menyediakan perkhidmatan bagi program penempatan semula pekerjaan dan lima jenis faedah berbentuk bantuan kewangan seperti elaun mencari pekerjaan (EMP) pada kadar menurun daripada gaji yang diinsuranskan. Selain itu, Sistem Insurans Pekerjaan menyediakan elaun bekerja semula awal (EBSA) bagi pekerja yang berjaya mendapat pekerjaan awal pada kadar 25 peratus daripada baki EMP.

AKHBAR : ASTRO AWANI

RUU Sistem Insurans Pekerjaan dibentang

KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (SIP) mula dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Dewan Rakyat malam ini. Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot berkata RUU itu dirangka dengan mengambil kira untuk membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan untuk bekerja secepat mungkin.

"Jumlah caruman yang dikenakan adalah 0.4 peratus yang merangkumi 0.2 peratus caruman majikan manakala 0.2 peratus lagi melibatkan pekerja. "Kerajaan tidak berniat untuk meningkatkan kos kepada majikan tetapi berusaha untuk menguntungkan majikan dengan peningkatan produktiviti pekerja serta anjal dengan perubahan teknologi semasa.

"Ia dirangka bagi mengurangkan tekanan serta masalah kesihatan akibat kehilangan pekerjaan," katanya semasa membentangkan RUU SIP di Dewan Rakyat. Jelasnya lagi, sistem baharu ini juga mampu menyelesaikan masalah konflik keluarga yang semakin meningkat kini.

Turut diperuntukkan dalam RUU itu ialah garis panduan membantu penempatan semula individu yang kehilangan kerja serta faedah kepada waris bagi pekerja yang meninggal dunia atau hilang upaya kekal. SIP dijangka memberi manfaat kepada mereka yang diberhentikan kerja selama enam bulan dengan bayaran purata setengah bulan gaji.

Skim itu bagaimanapun tidak membabitkan mereka yang berhenti secara sukarela bagi maksud peletakan jawatan di bawah skim pemisahan sukarela dengan persetujuan bersama majikan dan pekerja terbabit. Pada Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan mengenai persetujuan kerajaan melaksanakan SIP yang membabitkan kira-kira 6.5 juta pekerja tempatan dalam sektor swasta. SIP dijangka mula dilaksanakan 1 Januari 2018.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

Dewan Rakyat passes Employment Insurance System Bill 2017

KUALA LUMPUR: The Dewan Rakyat has approved the Employment Insurance System Bill 2017, which seeks to provide workers who lose their jobs with temporary financial assistance. The bill was passed with amendments after being debated by 14 Members of Parliament, yesterday. Human Resources Minister Datuk Seri Richard Riot when winding up the debate on the Bill said that through the insurance system, workers who lost their jobs would be given job training to return to work.

"This includes those who are between the ages of 40 and 50, and can be provided with appropriate training," he said. Earlier, when tabling the Bill for a second reading, Riot said the insurance system would see a 0.4 per cent contribution from the insured pay, namely 0.2 per cent each from employers and employees. He said it was important to support workers who lost their jobs especially during economic downturns or recessions.

He said Malaysia as a trading nation which was increasingly tied with global economic chain, the risk of exposure with the impact of the economic downturn was inevitable. "In 2015, more than 44,000 people lost their jobs, among others, due to automation measures in the financial sector, corporate restructuring and falling crude oil prices in world markets. In 2016, more than 38,000 people lost their jobs, with the majority being in retail, manufacturing and quarrying," he said.

For employers, Riot said the implementation of the insurance system would increase the productivity of the company through employees who had undergone skills and re-training programmes, as well as reduce the pressure on them if there was a need to reduce costs, downsize operations or in case of bankruptcy. The sitting resumes today.

AKHBAR : THE STAR

Parliament passes EIS Bill

KUALA LUMPUR : The Employment Insurance System (EIS) Bill was passed in the Dewan Rakyat at midnight, after five hours of debate. The new law allows for the creation of an insurance scheme for laid off employees to claim a portion of the insured salary for a period of between three and six months. Retrenched workers will also be entitled to early re-employment allowance, reduced income allowance, and training allowance. The insurance scheme, to be administered by Socso, covers staff involved in a voluntary or mandatory separation scheme, or those made redundant due to business restructuring or closure. Most Opposition MPs had voiced their support for the Bill, but some posed conditions in doing so. Shamsul Iskandar Mohd Akin (PKR - Bukit Katil) said he would support the Bill only if the Government also contributed to the scheme. Meanwhile, Charles Santiago (DAP - Klang) asked to double the six-month maximum period for salary insurance to better protect employees. Datuk Hasbullah Osman (BN - Gerik) raised concerns on overlap in functions between the EIS and the Human Resources Development Fund (HRDF).

In his winding up speech, Human Resources Minister Datuk Seri Richard Riot explained that although the Government will not contribute to the EIS, it has allocated RM120mil towards the scheme. To another question by Santiago, Riot said even jobless workers, aged 40 to 50, will be given appropriate training through the system so they can be matched with other jobs. He also explained that this training will not be combined with the present HRDF.

AKHBAR : MALAYSIA KINI

Dewan Rakyat lulus RUU Sistem Insurans Pekerjaan

Dewan Rakyat sebulat suara meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan (EIS) 2017 dalam sidang maraton sehingga lewat tengah malam tadi. Dewan yang mula bersidang pada jam 10 pagi, menghentikan jam untuk membolehkan sidang diterus melewati tengah malam. RUU itu dibahas dari jam 7 malam.

Ahli Parlimen BN, bersama-sama dengan ahli parlimen pembangkang dari PKR, DAP, PAS dan PSM yang mengambil bahagian, menyokong rang undang-undang itu. BERSATU dan WARISAN tidak membahaskan RUU itu. EIS akan mewujudkan dana, dikumpulkan dari majikan dan pekerja, yang akan memberikan pampasan sehingga enam bulan kepada pekerja yang diberhentikan.

Sebelum pengundian, ahli Parlimen pembangkang membuat beberapa percubaan untuk memperkenalkan apa yang dakwa sebagai penambahbaikan kepada RUU itu. Semasa pembacaan ketiga, iaitu di peringkat jawatankuasa, Charles Santiago (DAP-Klang) mengusulkan satu pindaan kepada rang undang-undang itu di mana kerajaan juga akan menyumbang kepada EIS.

Walau bagaimanapun, usulnya ditolak oleh Dewan. Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot berkata kerajaan tidak perlu menyumbang kepada skim itu kerana ia sudah memperuntukkan RM120 juta dalam dana sementara. Charles juga telah membahaskan bahawa pampasan sehingga enam bulan tidak mencukupi dan perlu ditingkatkan hingga setahun. Dia mendakwa enam bulan tidak mencukupi untuk melatih semula pekerja yang diberhentikan kerja.

Beliau menambah, skim itu juga perlu menampung pasangan suami isteri yang diberhentikan kerja. Semasa perbahasan, Shamsul Iskandar Md Akin (PKR-Bukit Katil) juga menyokong rang undang-undang itu tetapi mahu kerajaan memastikan ia menjadi mekanisme keselamatan sosial yang berkesan. Beliau juga menggesa kerajaan mempertimbangkan membenarkan pekerja-pekerja yang ditamatkan pekerjaan atas sebab tatatertib layak menerima dana itu, dengan menyatakan bahawa mereka juga merupakan penyumbang.

Dr Michael Jeyakumar Devaraj (PSM-Sg Siput) berkata pekerja yang diberhentikan hanya akan menerima bersamaan 2.7 bulan gaji sebagai pampasan dalam tempoh enam bulan di bawah EIS. Di bawah Akta Pekerjaan, katanya, pekerja yang bekerja selama 10 tahun layak menerima pampasan gaji tujuh bulan. Oleh itu, tambahnya, pampasan yang diberikan di bawah EIS tidak banyak, namun dia menganggap EIS sebagai satu permulaan yang baik.

"Kita hanya perlu memperluaskan (kuantum pampasan)," katanya. Menjawab hujah-hujah ini, menteri berkenaan dalam jawapannya berkata penyelidikan yang ditunjukkan menunjukkan bahawa pekerja yang diberhentikan boleh dilatih semula dalam masa enam bulan. Beliau menambah memasukkan pasangan pekerja yang diberhentikan kerja dalam EIS boleh mendedahkan kepada penyalahgunaan, seperti pemilik perniagaan mengubah pasangan mereka sebagai pekerja dan kemudiannya memberhentikan mereka untuk menerima manfaat.

Riot juga menegaskan bahawa kadar sumbangan 0.2 peratus adalah yang terendah di rantau ini, kerana Thailand dan Vietnam telah menetapkan kadar caruman masing-masing pada 1.25 peratus dan tiga peratus. Sidang ditangguhkan pada pukul 12.15 tengah malam. Rang undang-undang EIS, yang ditarik balik pada hari Isnin dan dibentangkan semula keesokan harinya, menurunkan kadar caruman yang akan dibayar oleh majikan dan pekerja dari 0.5 peratus kepada 0.2 peratus.

Kadar sumbangan yang disemak semula itu, yang berdasarkan pada kadar tetap, ialah dari 10 sen bagi pekerja yang memperoleh pendapatan RM30 sebulan, kepada RM39.50 bagi pekerja yang memperoleh pendapatan RM4,000 dan ke atas, sebulan. Sistem itu akan dikendalikan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). Rang undang-undang itu dijadual berkuatkuasa pada 1 Januari 2018, manakala pembayaran akan bermula pada 2019.

Sementara itu, Bernama melaporkan EIS yang bertujuan menyediakan insurans bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan dengan faedah bantuan kewangan sementara, diluluskan dengan pindaan selepas dibahaskan oleh 14 anggota Parlimen. Menteri sumber manusia ketika menggulung RUU berkenaan berkata melalui sistem insurans itu, pekerja yang hilang pekerjaan akan diberikan latihan untuk kembali ke alam pekerjaan. "Ini termasuk kepada golongan yang telah berumur antara 40 hingga 50 tahun yang boleh dipadankan dengan latihan bersesuaian," katanya.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU itu untuk bacaan kali kedua, Riot berkata sistem insurans berkenaan memperuntukkan caruman berkadar 0.4 peratus daripada gaji yang diinsuranskan (GYD), iaitu majikan dan pekerja masing-masing menyumbang 0.2 peratus kepada caruman insurans itu. Beliau berkata ia penting bagi membantu pekerja yang hilang pekerjaan khususnya jika berlaku kegawatan atau kejatuhan ekonomi. Katanya, sebagai sebuah negara perdagangan yang semakin berintegrasi dengan rangkaian ekonomi global, risiko pendedahan dengan impak kejatuhan ekonomi tidak dapat dielakkan.

"Pada tahun 2015, lebih 44,000 orang kehilangan pekerjaan yang antara lain berpunca dari langkah automasi dalam sektor kewangan, penstrukturan syarikat dan kejatuhan harga minyak mentah di pasaran dunia. Pada 2016, lebih 38,000 orang kehilangan pekerjaan dengan majoriti dalam bidang peruncitan, pembuatan dan pengkuarian," katanya. Bagi majikan, Riot berkata pelaksanaan sistem insurans itu dapat meningkatkan produktiviti syarikat melalui pekerja yang telah mengikuti peningkatan kemahiran dan latihan semula di samping dapat mengurangkan tekanan sekiranya timbul keperluan mengurangkan kos, mengecilkan operasi atau syarikat mufliis. Persidangan disambung hari ini.